

PENGUATKUASAAN PENGHAKIMAN MELALUI NOTIS PENGHAKIMAN PASCASAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN DI MAHKAMAH SYARIAH

(Enforcement of Judgments through a Judgment Notice Following Judgment Debtor Summons Proceedings in the Syariah Court)

Mohd Hazwan Ismail

mhazwan@unishams.edu.my

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah,
09300 Kuala Ketil, Kedah, Malaysia.

Rujukan makalah ini (To cite this article): Mohd Hazwan Ismail. (2026). Penguatkuasaan penghakiman melalui notis penghakiman pascasaman penghutang penghakiman di mahkamah syariah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 38(2), 285–306. [https://doi.org/10.37052/kanun.38\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/kanun.38(2)no4)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: Received:	17/4/2026	Semakan: Revised	1/6/2026	Terima: Accepted:	14/7/2026	Terbit dalam talian: Published online:	31/7/2026
-----------------------	-----------	---------------------	----------	----------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Penguatkuasaan penghakiman merupakan komponen penting bagi memastikan setiap perintah mahkamah syariah dapat dilaksanakan secara berkesan, khususnya yang melibatkan tuntutan nafkah selepas perceraian. Kajian ini dilakukan untuk meneliti isu penguatkuasaan perintah nafkah di mahkamah syariah di Malaysia dengan memberikan tumpuan khusus terhadap mekanisme saman penghutang penghakiman (SPP). SPP merupakan prosedur yang diperuntukkan dalam Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah bagi memaksa penghutang hadir ke mahkamah dan menjelaskan kemampuan kewangannya untuk melunaskan tunggakan. Walaupun mekanisme ini penting bagi menangani isu nafkah pascaperceraian, hasil kajian menunjukkan bahawa wujud konflik amalan dalam kalangan hakim berhubung dengan keperluan untuk memfailkan Notis Penghakiman (NP) selepas

SPP. Sebahagian hakim mewajibkan NP sebagai langkah mandatori sebelum sebarang bentuk pelaksanaan lain, manakala sebahagian lagi membenarkan pelaksanaan, seperti sitaan harta atau *hiwalah* tanpa keperluan NP. Percanggahan ini menimbulkan ketidakpastian undang-undang kepada pihak pemiutang, sekali gus melambatkan proses pelaksanaan dan menambah beban kewangan. Walau bagaimanapun, amalan kehakiman menunjukkan bahawa wujud ketidakseragaman mengenai keperluan NP selepas SPP. Hal ini menimbulkan ketidakpastian dari sudut pelaksanaan penghakiman. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis doktrin terhadap peruntukan statut, enakmen, serta kes mahkamah, termasuklah *Fatimah lwn. Zuhaan* (2020) dan *Syuhada lwn. Arfan* (2019), ditegaskan bahawa tiada peruntukan jelas yang mewajibkan NP selepas SPP. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketidakseragaman amalan tersebut lebih berpunca daripada perbezaan tafsiran terhadap peruntukan undang-undang yang berkaitan berbanding dengan kekurangan peruntukan undang-undang itu sendiri. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar garis panduan yang lebih jelas diwujudkan untuk menyeragamkan amalan kehakiman, melindungi hak pemiutang dan memastikan prinsip masalah dan keadilan substantif dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia terus dipelihara.

Kata kunci: Saman Penghutang Penghakiman (SPP), Notis Penghakiman (NP), nafkah, mahkamah syariah, penguatkuasaan perintah, tunggakan nafkah

Abstract

The enforcement of judgements is an essential component in ensuring that every order of the Syariah Courts is effectively implemented, particularly orders involving post-divorce maintenance claims. This study examines the enforcement of maintenance orders in Malaysian Syariah Courts, with particular emphasis on the judgment debtor summons (JDS) mechanism. The JDS is a procedure provided for under the Syariah Court Civil Procedure Act or Enactments to compel a judgment debtor to appear before the court and explain his financial ability to settle the outstanding amount. Although this mechanism is important in addressing post-divorce maintenance arrears, the findings reveal inconsistencies in judicial practices exist regarding the requirement to file a Judgment Notice (JN) after JDS proceedings. Some judges require the filing of a JN as a mandatory step before any other form of enforcement may be carried out, while others permit enforcement measures, such as the seizure of property or hiwalah, without requiring a JN. This divergence in practices creates legal uncertainty for judgment creditors, thereby delaying the enforcement processes and increasing their financial burden.

this study adopts a qualitative approach through doctrinal analysis of statutory provisions, enactments, and relevant court decisions, including Fatimah v. Zuhaan (2020) and Syuhada v. Arfan (2019). The analysis indicates that there is no clear provision requiring the filing of a JN after JDS proceedings. The findings further show that the inconsistency in practice arises primarily from differing interpretations of the relevant legal provisions than from the absence of legal provisions themselves. Accordingly, the study proposes the development of clearer guidelines to standardise judicial practice, protect the rights of judgment creditors, and ensure that the principles of maslahat and substantive justice in Islamic Malaysian Islamic family law continue to be upheld.

Keywords: Judgment Debtor Summons (JDS), Judgment Notice (JN), maintenance, Syariah Court, enforcement of judgments, maintenance arrears

PENDAHULUAN

Saman Penghutang Penghakiman (SPP) satu daripada tindakan susulan yang digunakan bagi menuntut pembayaran wang berdasarkan perintah mahkamah. Dalam konteks perundangan kekeluargaan Islam, perintah yang berkaitan dengan nafkah lazimnya dikeluarkan oleh mahkamah selepas berlakunya perceraian. Antara perintah yang lazim dikeluarkan termasuklah pembayaran nafkah iddah terhadap bekas isteri dan nafkah anak kepada penjaga yang sah. Apabila dikeluarkan secara bertulis, perintah tersebut menjadi kewajipan yang mengikat pihak defendan untuk melaksanakan bayaran sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah (Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong, 2021). Namun begitu, dalam banyak keadaan, pihak yang bertanggung gagal menunaikan kewajipan ini, sekali gus menyebabkan tunggakan.

Tunggakan nafkah satu daripada masalah yang berpanjangan dalam sistem perundangan kekeluargaan Islam di Malaysia. Kegagalan pelaksanaan perintah nafkah bukan sahaja menjejaskan hak plaintiff, malah menimbulkan kesan sosial yang besar, khususnya terhadap anak yang bergantung pada nafkah tersebut untuk kelangsungan hidup. Oleh itu, undang-undang tatacara mal mahkamah syariah menyediakan beberapa mekanisme penguatkuasaan bagi memastikan hak pemiutang dipelihara. Antara mekanisme tersebut termasuklah SPP, Notis Penghakiman (NP), hiwalah dan sitaan harta. SPP muncul sebagai satu daripada kaedah utama yang sering digunakan kerana sifatnya yang memberikan peluang kepada penghutang untuk hadir ke mahkamah dan menjelaskan keadaan kewangannya.

Isu nafkah dan tunggakan selepas perceraian juga masalah utama yang terus membelenggu sistem keadilan syariah di Malaysia. Kajian terdahulu mendapati bahawa ketidakpatuhan penghutang dalam pelaksanaan perintah mahkamah sering menyebabkan bebanan kewangan, emosi dan sosial terhadap pihak plaintif. Statistik kes di mahkamah syariah turut menunjukkan bahawa tunggakan nafkah adalah antara penyumbang terbesar bagi kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah mahkamah (Abu Suffian Abu Yaziz, 2013). Situasi ini menuntut keberkesanan mekanisme penguatkuasaan agar keadilan substantif dapat dicapai, selaras dengan prinsip maqasid al-syariah yang bertujuan untuk memelihara kemaslahatan manusia. Dalam konteks nafkah, penguatkuasaan perintah mahkamah berkait rapat dengan pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl) dan pemeliharaan harta (hifz al-mal) kerana kegagalan pelaksanaan nafkah dapat menjejaskan kebajikan anak dan hak kewangan pihak yang berhak menerimanya (Al-Shatibi, 2004). Oleh itu, mekanisme penguatkuasaan yang berkesan bukan sahaja memenuhi tuntutan undang-undang, tetapi juga menepati objektif syariah bagi melindungi institusi kekeluargaan dan menjamin kelangsungan hidup pihak yang bergantung pada nafkah tersebut.

Dalam kerangka perundangan, SPP diperuntukkan sebagai satu daripada instrumen utama di bawah Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah negeri. Tujuan utamanya adalah untuk memanggil penghutang hadir ke mahkamah bagi menjelaskan sebab ketidakpatuhan terhadap perintah induk atau perintah asal. Proses ini bukan sahaja bersifat siasatan, tetapi juga memberikan ruang kepada mahkamah untuk menilai kemampuan sebenar penghutang untuk membayar tunggakan. Melalui prosiding SPP, hakim berkuasa, sama ada mengarahkan pembayaran tunggakan secara sekali gus, menetapkan pembayaran ansuran mengikut kemampuan penghutang atau mengambil tindakan pelaksanaan lain sekiranya penghutang terus gagal mematuhi perintah (Ahmad Ibrahim, 1997; Norman Zakiyy & Hasnizam Hashim, 2018).

Secara keseluruhan, SPP mempunyai peranan yang penting bukan sahaja dalam aspek teknikal undang-undang, tetapi juga dalam aspek menegakkan prinsip keadilan sosial. SPP bertindak sebagai mekanisme keseimbangan antara hak plaintif untuk menuntut nafkah dengan hak penghutang untuk menjelaskan kemampuan kewangan sebelum dikenakan tindakan yang lebih berat. Walau bagaimanapun, isu praktikal, seperti ketidakpatuhan berterusan penghutang, kelewatan pelaksanaan dan konflik tafsiran undang-undang mengenai prosedur selepas SPP terus menjadi cabaran besar dalam sistem penguatkuasaan mahkamah syariah. Oleh itu,

SPP perlu dilihat bukan sahaja sebagai prosedur undang-undang, tetapi juga sebagai instrumen keadilan yang perlu dilaksanakan dengan penuh ketelitian dan keseragaman bagi melindungi hak pihak yang terlibat.

Prosedur Saman Penghutang Penghakiman

Saman Penghutang Penghakiman (SPP) satu daripada instrumen yang diperuntukkan oleh undang-undang tatacara mal mahkamah syariah sebagai mekanisme penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah yang berkaitan dengan tuntutan wang. Instrumen ini digunakan apabila penghutang gagal melunaskan hutang atau tunggakan yang diperintahkan oleh mahkamah. Dengan berdasarkan peruntukan Seksyen 175, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, prosiding SPP berfungsi sebagai medium rasmi untuk memanggil penghutang hadir ke mahkamah bagi menjelaskan kedudukan kewangan dan kebolehan untuk melunaskan hutang (Mohd Nadzri Haji Abdul Rahman Ibrahim, 2010).

Data statistik terkini menunjukkan bahawa sepanjang tahun 2025, sebanyak 817 kes SPP didaftarkan di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 685 kes difailkan melalui sistem e-Nafkah (melalui sistem), manakala 132 kes difailkan secara manual (sistem disetengah negeri sistem masih belum berfungsi sepenuhnya). Negeri Johor merekodkan jumlah pendaftaran tertinggi, iaitu sebanyak 201 kes, diikuti oleh Terengganu (73 kes) dan Wilayah Persekutuan (67 kes). Statistik ini membuktikan bahawa SPP terus menjadi antara mekanisme penguatkuasaan yang penting dan kerap digunakan oleh pemiutang bagi mendapatkan semula tunggakan nafkah yang gagal dijelaskan oleh penghutang. Jumlah kes yang masih tinggi pada tahun 2025 turut menunjukkan bahawa isu ketidakpatuhan terhadap perintah nafkah masih menjadi cabaran utama dalam sistem perundangan keluarga Islam di Malaysia, sekali gus menuntut pelaksanaan mekanisme penguatkuasaan yang lebih berkesan dan seragam.

Dalam konteks pentadbiran kehakiman, keberkesanan SPP bergantung pada kejayaan penyampaian saman kepada penghutang kerana prosiding ini berasaskan kehadiran penghutang di mahkamah untuk diperiksa mengenai kemampuan kewangannya. Oleh itu, kegagalan pengenalanpastian alamat yang tepat atau kegagalan penyampaian saman dapat menyebabkan proses penguatkuasaan tertangguh, sekali gus menjejaskan hak pemiutang untuk mendapatkan tunggakan nafkah dengan segeranya. Oleh itu, perkara paling utama yang perlu dikenal pasti oleh pemiutang ialah alamat lengkap

penghutang. Menurut Mohd Amir Haji Arifin @ Mohd Rifin (2013), maklumat alamat yang tepat amat penting bagi memastikan saman yang dikeluarkan benar-benar sampai kepada penghutang. Sekiranya saman gagal diserahkan kerana ketiadaan alamat atau alamat yang dikemukakan tidak tepat, saman tersebut tidak akan diterima oleh penghutang, seterusnya menghalang proses penguatkuasaan undang-undang (Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa, 2024).

Sebelum tindakan undang-undang diambil melalui SPP, maklumat yang dikemukakan ke mahkamah mestilah lengkap, sahih dan tidak menzalimi penghutang. Satu daripada aspek penting yang perlu diberikan perhatian ialah jumlah tunggakan yang dituntut. Jumlah ini mestilah tepat dan dapat disahkan melalui dokumen sokongan. Oleh itu, mahkamah akan mengadakan proses taksiran tunggakan di hadapan pendaftar mahkamah. Proses ini melibatkan penyerahan dokumen, seperti penyata bank, resit pembayaran dan bukti lain yang munasabah, daripada pemiutang bagi membuktikan kewujudan tunggakan. Selepas jumlah tunggakan disahkan, barulah mahkamah membenarkan saman pengeluaran (Mohd Hazwan Ismail, 2023a).

Proses taksiran ini dilakukan secara *ex-parte* (sebelah pihak), iaitu melibatkan pemiutang sahaja. Pemiutang perlu menggunakan Borang MS 42 yang disediakan dalam Enakmen Pulau Pinang No. 6 Tahun 2004, Jadual Ketiga. Borang ini perlu diisi dengan maklumat terperinci, termasuklah nama penghutang, alamat penghutang, jumlah tunggakan dan tarikh perintah asal yang berkaitan dengan nafkah (Nik Suhaimi Nik Saberi et al., 2025). Setelah diisi, borang tersebut perlu ditandatangani, sama ada oleh pemiutang sendiri atau peguam syarie yang dilantik bagi pihak dirinya.

Selain itu, Borang MS 42 mestilah disertakan bersama-sama dengan afidavit sokongan bagi mengukuhkan keterangan pemiutang mengenai tunggakan nafkah yang berlaku. Afidavit ini difailkan melalui Borang MS 26 yang perlu diperincikan dengan jelasnya, termasuklah butiran pembayaran yang tidak dipatuhi, tempoh tunggakan dan dokumen sokongan yang berkaitan. Hal ini penting untuk mengelakkan saman difailkan secara tidak berasas atau tanpa bukti yang kukuh (Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong, 2021).

Setelah Borang MS 42 dan afidavit Borang MS 26 dilengkapkan, kedua-dua dokumen tersebut dikemukakan di hadapan pendaftar mahkamah bagi tujuan pengikraran. Proses pengikraran ini satu bentuk pengesahan rasmi bahawa dokumen yang difailkan sahih dan benar berdasarkan

pengetahuan pemiutang. Dokumen ini juga menjadi jaminan bagi mahkamah bahawa saman yang dikeluarkan mempunyai asas yang kukuh dan tidak bersifat fitnah atau spekulatif.

Selepas proses pengikraran selesai, mahkamah melalui pendaftar menandatangani dan mengeluarkan saman SPP. Saman ini kemudiannya disampaikan kepada penghutang melalui kaedah penyampaian yang diperuntukkan oleh undang-undang tatacara. Penyampaian saman yang sah membolehkan penghutang hadir ke mahkamah untuk disoal siasat mengenai keupayaannya untuk membayar tunggakan. Pada peringkat ini, mahkamah berperanan untuk menilai penghutang, sama ada mempunyai sumber kewangan atau aset yang dapat digunakan bagi melunaskan tunggakan tersebut (Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong, 2020).

Secara keseluruhan, SPP ialah mekanisme yang bukan sahaja bersifat teknikal dari sudut undang-undang, tetapi juga mempunyai implikasi sosial yang besar. SPP memberikan peluang kepada pemiutang untuk menuntut haknya melalui saluran perundangan dan pada masa yang sama, memberikan ruang kepada penghutang untuk menjelaskan kedudukan kewangannya. Walaupun begitu, seperti yang akan dibincangkan dalam artikel ini, isu timbul apabila terdapat perbezaan tafsiran dalam kalangan hakim mengenai langkah susulan selepas SPP, khususnya yang berkaitan dengan keperluan memfailkan NP. Perbezaan inilah yang akhirnya menimbulkan konflik amalan dalam pelaksanaan undang-undang.

Dalam beberapa kes, terdapat hakim yang berpandangan bahawa selepas perintah SPP dikeluarkan, pemiutang wajib terlebih dahulu memfailkan NP sebelum melaksanakan kaedah penguatkuasaan lain, seperti sitaan atau hiwalah. Pandangan ini didasari oleh tafsiran bahawa NP merupakan langkah mandatori dalam turutan prosedur (*Fatimah lwn. Zuhaan*, 2020). Namun begitu, terdapat juga kes yang menunjukkan bahawa hakim membenarkan penguatkuasaan lain selepas SPP tanpa keperluan untuk memfailkan NP terlebih dahulu (*Syuhada lwn. Arfan*, 2019). Perbezaan tafsiran ini menimbulkan konflik amalan dan ketidakpastian undang-undang terhadap pihak, khususnya pemiutang, yang menanggung kesan daripada kelewatan atau kegagalan pelaksanaan tersebut.

Perbezaan tafsiran ini juga dapat dikaitkan dengan kelemahan dari sudut peruntukan undang-undang. Misalnya, Seksyen 154 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004 tidak secara jelas menetapkan keperluan NP selepas SPP. Oleh itu, wujud ruang interpretasi yang luas dalam kalangan hakim, yang akhirnya menyebabkan keputusan yang bercanggah. Situasi ini dapat menjejaskan prinsip kepastian

undang-undang (legal certainty) dan keberkesanan sistem keadilan syariah di Malaysia (Jasri Jamal & Hasnizam Hashim, 2017).

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk meneliti isu konflik tafsiran yang berkaitan dengan keperluan memfailkan NP selepas SPP secara mendalam dengan menganalisis peruntukan undang-undang dan keputusan kes yang relevan. Kajian ini turut dilakukan untuk menilai, sama ada keperluan NP benar-benar bersifat mandatori atau sekadar hasil tafsiran kehakiman, serta mencadangkan langkah penyeragaman amalan bagi memastikan kepastian undang-undang dan prinsip masalah dalam sistem keadilan syariah di Malaysia dipelihara.

Masalah Kajian

Isu tunggakan nafkah terus menjadi antara cabaran utama dalam sistem perundangan keluarga Islam di Malaysia. Walaupun pelbagai mekanisme penguatkuasaan diperuntukkan dalam Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah, jumlah kes tunggakan nafkah yang direkodkan masih menunjukkan trend yang membimbangkan. Statistik daripada Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) menunjukkan bahawa sebanyak 817 kes SPP didaftarkan di seluruh negara sepanjang tahun 2025. Jumlah ini menggambarkan bahawa kegagalan pematuhan perintah nafkah masih berlaku dan memerlukan tindakan penguatkuasaan yang berterusan bagi memastikan hak pihak yang berhak untuk menerima nafkah dapat dilindungi.

Selain itu, isu kegagalan membayar nafkah juga sering mendapat perhatian media dan masyarakat kerana kesannya yang besar terhadap bekas isteri dan anak. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Mohd Na'im Mokhtar, turut menegaskan bahawa tunggakan nafkah antara isu utama yang dihadapi oleh mahkamah syariah dan memerlukan pengukuhan mekanisme penguatkuasaan bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan perintah mahkamah. Situasi ini menunjukkan bahawa keberkesanan sesuatu mekanisme penguatkuasaan bukan sahaja penting dari sudut perundangan, tetapi juga mempunyai implikasi langsung terhadap kebajikan keluarga dan kesejahteraan masyarakat.

Walaupun SPP merupakan mekanisme yang dirancang untuk memastikan penguatkuasaan perintah mahkamah berjalan lancar, realiti menunjukkan bahawa wujudnya kekangan dalam pelaksanaan selepas perintah SPP dikeluarkan. Kekangan ini berpunca daripada tafsiran yang berbeza-beza dalam kalangan hakim mengenai keperluan untuk memfailkan NP sebagai prasyarat terhadap apa-apa tindakan pelaksanaan. Perbezaan tafsiran ini

mewujudkan konflik amalan yang nyata sebagaimana yang ditunjukkan dalam beberapa keputusan kes.

Terdapat keadaan apabila hakim tidak membenarkan sebarang bentuk penguatkuasaan selain NP selepas SPP. Hal ini dapat dilihat dalam kes *Fatimah lwn. Zuhaan* (2020) yang diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. Dalam kes tersebut, pemiutang memohon pelaksanaan sitaan terhadap harta alih penghutang selepas memperoleh perintah SPP. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut ditolak oleh hakim atas alasan bahawa pelaksanaan hanya boleh dilakukan selepas NP difailkan. Hakim merujuk Seksyen 154 dan Seksyen 179 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, serta mentafsirkan bahawa NP merupakan langkah yang perlu didahulukan sebelum tindakan pelaksanaan lain dilakukan. Keputusan ini menunjukkan bahawa pendekatan yang ketat terhadap turutan prosedur pelaksanaan pasca-SPP (Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong, 2022).

Sebaliknya, terdapat kes yang menunjukkan amalan kehakiman yang berbeza-beza. Dalam kes *Syuhada lwn. Arfan* (2019) yang turut diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang, pemiutang memohon pelaksanaan sitaan terus selepas memperoleh perintah SPP dan permohonan tersebut diluluskan oleh mahkamah. Hakim dalam kes ini berpandangan bahawa peruntukan undang-undang tidak mewajibkan NP sebagai prasyarat terhadap pelaksanaan sitaan, sebaliknya pemiutang berhak untuk memilih bentuk penguatkuasaan yang difikirkan sesuai berdasarkan keadaan kes (Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong, 2022). Kes ini memperlihatkan tafsiran yang lebih fleksibel terhadap peruntukan undang-undang, sekali gus menimbulkan percanggahan dengan pendekatan yang diambil dalam kes *Fatimah lwn. Zuhaan* (2020).

Konflik antara dua pendekatan ini menyebabkan beberapa implikasi. Dari segi prinsip undang-undang, hal ini menimbulkan isu ketidakpastian undang-undang kerana pemiutang tidak dapat menjangka prosedur yang seharusnya diikuti selepas SPP dengan tepatnya. Dari sudut praktikal, hal ini menimbulkan beban berganda kepada pemiutang. Misalnya, dalam keadaan apabila mahkamah menolak pelaksanaan selain NP, pemiutang terpaksa memulakan semula proses tersebut dengan memfailkan NP, yang sudah pastinya memerlukan masa yang lebih lama dan meningkatkan kos guaman (Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong, 2021). Situasi ini dapat menyebabkan pemiutang mengalami kesukaran berpanjangan untuk mendapatkan haknya.

Selain itu, terdapat keadaan apabila pemiutang terpaksa membuat aduan kali kedua selepas perintah SPP kerana penguatkuasaan tidak berjaya

dilaksanakan. Hal ini bukan sahaja menjejaskan kepercayaan terhadap keberkesanan sistem kehakiman syariah, tetapi juga dapat dianggap bercanggah dengan prinsip maslahah, iaitu memastikan hak pihak yang lemah dilindungi tanpa perlu melalui prosedur berlapis dan membebankan (Nur Zulfah Md Abdul Salam & Nur Syazwani Mohd Khatib, 2020).

Oleh itu, perbezaan tafsiran antara hakim ini menimbulkan permasalahan penting dalam amalan kehakiman syariah di Malaysia. Persoalan yang timbul ialah sama ada peruntukan undang-undang benar-benar mensyaratkan NP selepas SPP sebagai langkah mandatori, atau sekadar tafsiran hakim tertentu sahaja. Persoalan inilah yang dianalisis dalam makalah ini melalui kajian peruntukan undang-undang dan keputusan kes yang berkaitan.

KAJIAN LEPAS

Kajian terdahulu mengenai penguatkuasaan perintah nafkah di mahkamah syariah memberikan tumpuan besar terhadap keberkesanan mekanisme SPP bagi menangani isu tunggakan. Menurut Halimatus Saadiah Kariya (2015), SPP merupakan instrumen penting bagi memastikan penghutang hadir ke mahkamah untuk memberikan keterangan mengenai kemampuan kewangannya. Halimatus Saadiah mendapati bahawa keberkesanan SPP sangat bergantung pada dua faktor utama, iaitu tahap komitmen penghutang untuk membayar tunggakan dan kesediaan mahkamah dalam pelaksanaan perintah susulan apabila penghutang culas.

Selain itu, Abu Suffian Abu Yaziz (2013) menekankan aspek prosedur tatacara mal Syariah, termasuklah peruntukan yang berkaitan dengan penguatkuasaan. Pengkaji tersebut menjelaskan bahawa undang-undang tatacara memberikan ruang kepada beberapa bentuk pelaksanaan. Antaranya termasuklah sitaan, *hiwalah* dan NP. Walaupun demikian, kajian tersebut lebih menumpukan aspek teori peruntukan undang-undang secara umum tanpa meneliti isu turutan prosedur selepas SPP secara mendalam. Hal ini menimbulkan keperluan untuk penelitian baharu berhubung hubungan antara SPP dengan NP.

Dari sudut keberkesanan keseluruhan penguatkuasaan perintah, beberapa sarjana menekankan bahawa cabaran utama bukan sahaja berpunca daripada kekangan undang-undang, tetapi juga daripada faktor praktikal dan sikap penghutang. Jasri Jamal dan Hasnizam Hashim (2017) berpendapat bahawa banyak pelaksanaan perintah gagal kerana penghutang tidak memberikan kerjasama atau terdapat kekangan logistik mahkamah. Sebagai contoh, dalam kes *Fatimah lwn. Zuhaan* (2020),

ketua pendaftar mahkamah menolak permohonan sitaan atas alasan tiada tempat penyimpanan barangan sitaan. Hal ini menyebabkan pelaksanaan perintah gagal walaupun penghutang mempunyai aset yang boleh disita. Perkara ini menunjukkan bahawa isu keberkesanan penguatkuasaan bukan hanya berpunca daripada ketiadaan peruntukan, tetapi juga bergantung pada keupayaan pentadbiran mahkamah di lapangan (Mohd Hazwan Ismail, 2024).

Mohd Hazwan Ismail dan Jasni Sulong (2020) turut menambah perspektif penting dalam literatur. Menurut pengkaji ini, SPP satu daripada bentuk penguatkuasaan yang diperuntukkan secara khusus dalam Bab 4 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004. SPP hanya berkait dengan pelaksanaan perintah yang melibatkan kewangan. Dalam analisisnya, timbul permasalahan apabila wujud dua pendekatan mahkamah yang berbeza-beza. Pertama, mahkamah menghendaki pemohon untuk mendapatkan perintah tunggakan nafkah terlebih dahulu. Kedua, mahkamah membenarkan permohonan SPP dilakukan terus setelah berlakunya tunggakan daripada perintah asal. Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian terhadap statut, arahan amalan dan kes yang diputuskan. Dapatan kajian ini mendapati bahawa penuntut sebenarnya boleh memohon SPP tanpa perlu mendapatkan perintah tunggakan nafkah, memadai dengan mengemukakan dokumen yang mencukupi untuk taksiran tunggakan di hadapan pendaftar mahkamah. Proses ini membolehkan hak pemiutang penghakiman dilaksanakan dengan segeranya tanpa melalui tempoh perbicaraan yang panjang untuk mendapatkan perintah baharu (Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong, 2021).

Walaupun bagaimanapun, satu kelompongan yang masih wujud dalam literatur ialah kekurangan kajian yang secara khusus membincangkan persoalan, sama ada NP merupakan langkah mandatori selepas SPP. Walaupun terdapat peruntukan undang-undang dan arahan amalan yang menyentuh prosedur yang berkaitan dengan SPP dan NP, kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu pada aspek keberkesanan SPP secara umum atau cabaran praktikal dalam penguatkuasaan perintah nafkah (Ahmad Ibrahim, 1997). Perbincangan yang meneliti konflik tafsiran berhubung dengan keperluan NP selepas SPP, dan implikasinya terhadap amalan kehakiman secara khusus dalam literatur sedia ada masih terhad. Perbezaan pendekatan ini dapat dilihat dalam beberapa keputusan kes, seperti *Fatimah lwn. Zuhaan* (2020) dan *Mashita lwn. Isma* (2026) yang cenderung untuk mensyaratkan NP sebagai langkah susulan selepas SPP, berbanding dengan kes *Roslina lwn. Roslan* (2017) dan *Syuhada*

lwn. *Arfan* (2019) yang membenarkan pelaksanaan lain tanpa keperluan untuk memfailkan NP terlebih dahulu. Perbezaan amalan tersebut menunjukkan bahawa isu hubungan antara SPP dengan NP masih belum diberikan perhatian yang mencukupi dalam literatur akademik, khususnya dari sudut analisis peruntukan undang-undang dan kesan terhadap kepastian undang-undang dalam amalan mahkamah syariah (Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong, 2022).

Oleh itu, penyelidikan ini mengisi kelompangan tersebut dengan menganalisis, sama ada NP benar-benar bersifat mandatori selepas SPP atau sekadar hasil daripada tafsiran tertentu oleh hakim. Dengan menggabungkan analisis peruntukan undang-undang dan kes yang relevan, kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai isu ketidakseragaman amalan kehakiman dan cadangan penambahbaikan bagi memastikan prinsip kepastian undang-undang dalam sistem perundangan syariah di Malaysia dapat dicapai.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif (Siti Uzairiah Mohd Tobi, 2017) yang berasaskan analisis dokumen. Kaedah ini dipilih kerana persoalan yang dikaji lebih menumpukan teks undang-undang dan tafsiran kehakiman berhubung dengan prosedur penguatkuasaan perintah selepas SPP. Melalui pendekatan ini, pengkaji dapat memberikan tumpuan terhadap kefahaman mendalam (in-depth understanding) tentang maksud peruntukan undang-undang dan cara pengaplikasiannya dalam amalan (Creswell, 2014).

Pertama, kajian ini menganalisis dokumen perundangan utama, iaitu Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah yang berkuat kuasa di negeri. Fokus diberikan kepada Seksyen 154 dan Seksyen 179, iaitu peruntukan yang sering dirujuk oleh hakim apabila menilai keperluan untuk memfailkan NP selepas SPP. Analisis ini dilakukan untuk mengenal pasti, sama ada terdapat peruntukan undang-undang yang secara jelas mewajibkan pemfailan NP atau perkara ini terbuka pada tafsiran (Chua Yan Piaw, 2006; Yin, 2018).

Kedua, kajian ini menggunakan analisis kes dengan meneliti keputusan mahkamah syariah yang relevan. Dua kes dipilih sebagai kajian utama, iaitu *Fatimah lwn. Zuhaan* (2020) dan *Syuhada lwn. Arfan* (2019). Kes pertama menunjukkan pendekatan hakim yang menolak permohonan sitaan kerana berpendapat bahawa NP merupakan langkah mandatori selepas SPP. Sebaliknya, kes kedua menunjukkan pendekatan hakim yang

membenarkan pelaksanaan sitaan terus selepas SPP tanpa memerlukan NP. Perbandingan kedua-dua kes ini membolehkan pengkaji menilai kepelbagaian tafsiran dan implikasi terhadap prinsip kepastian undang-undang.

Ketiga, kajian ini mengaplikasikan pendekatan analitis–kritikal. Melalui pendekatan ini, dapatan analisis dokumen perundangan dan keputusan kes dibandingkan dengan prinsip undang-undang syariah dan objektif pentadbiran keadilan. Kaedah ini membolehkan penilaian dilakukan sama ada keperluan NP selepas SPP benar-benar bersifat mandatori menurut undang-undang, atau sekadar tafsiran hakim berdasarkan budi bicara masing-masing (Ahmad Ibrahim, 1997). Yang terakhir, pengkaji menggunakan kaedah temu bual secara tidak berstruktur dengan seorang pegawai syariah Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang yang berpengalaman dalam pengendalian prosiding SPP, hiwalah dan NP. Temu bual dilakukan bagi mendapatkan penjelasan tentang amalan semasa mahkamah, prosedur pelaksanaan selepas SPP dan isu praktikal yang tidak dapat diperoleh melalui analisis dokumen (Ahmad Sunawari Long, 2009). Kaedah ini digunakan bagi menyokong data yang diperoleh, seterusnya membolehkan analisis secara mendalam dilakukan.

Secara keseluruhan, metodologi ini membolehkan penelitian dilakukan terhadap hubungan antara peruntukan undang-undang, arahan amalan dan amalan kehakiman dalam pelaksanaan penghakiman pasca-SPP. Analisis yang dilakukan bukan sahaja meneliti kedudukan undang-undang yang berkaitan dengan keperluan NP, tetapi juga menilai tahap perbezaan tafsiran kehakiman sehingga mempengaruhi pelaksanaan penguatkuasaan perintah. Pendekatan ini penting untuk mengenal pasti kedudukan undang-undang sebenar dan membantu mewujudkan amalan kehakiman yang lebih seragam dan konsisten.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Mengenai SPP, prosedurnya diperuntukkan secara khusus di bawah Bab 4 Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah yang mengandungi 11 seksyen, iaitu bermula dengan Seksyen 175 (Pemakaian), Seksyen 176 (Permohonan untuk mendapatkan Saman Penghutang Penghakiman), Seksyen 177 (Mengeluarkan Saman Penghutang Penghakiman), Seksyen 178 (Pemeriksaan Penghutang Penghakiman), Seksyen 180 (Mengeluarkan Notis Penghakiman), Seksyen 181 (Pendengaran Notis Penghakiman), Seksyen 182 (Perintah Pengkomitan), Seksyen 183 (Pembayaran oleh Penghutang Penghakiman), Seksyen 184 (Perakuan

Penunaian) dan Seksyen 185 (Tarikh Perintah Pengkomitan). Susunan peruntukan ini menunjukkan bahawa undang-undang menyediakan tatacara yang lengkap bagi pelaksanaan prosiding SPP sehingga kepada tindakan pengkomitan terhadap penghutang yang ingkar.

Walaupun NP berada dalam bab yang sama dengan SPP, iaitu Bab 4, tidak bermakna bahawa selepas sesuatu prosiding SPP selesai, pemiutang wajib meneruskan langkah seterusnya dengan memfailkan NP. Kedua-duanya mempunyai peranan dan fungsi tersendiri yang berbeza-beza. NP sebenarnya disediakan sebagai satu daripada mekanisme tambahan yang dapat digunakan oleh pemiutang (Mohd Hazwan Ismail, 2024b), tetapi tidak terdapat peruntukan yang menyatakan bahawa perkara ini mandatori selepas SPP.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wujud empat isu utama yang perlu diberikan perhatian dalam konteks pelaksanaan SPP dan NP. Pertama, tiada peruntukan undang-undang yang mewajibkan NP selepas SPP. Hasil analisis terhadap Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah. (Negeri Pulau Pinang) 2004 menunjukkan bahawa tiada peruntukan jelas yang mewajibkan pemiutang untuk memfailkan NP selepas adanya SPP. Misalnya, Seksyen 154 hanya memperuntukkan pelaksanaan perintah penghakiman, tetapi tidak menyatakan bahawa NP merupakan prasyarat selepas SPP. Hal yang sama dapat dilihat dalam Seksyen 179.

Dalam peruntukan tersebut, walaupun merujuk pelaksanaan penghakiman, tidak dinyatakan urutan prosedur yang mengikat secara mandatori (Abu Suffian Abu Yaziz, 2013). Dengan berdasarkan peruntukan tersebut, tujuan utama Seksyen 179 bukanlah untuk mewujudkan satu syarat mandatori yang mewajibkan pemiutang memfailkan NP selepas SPP. Sebaliknya, seksyen ini diwujudkan sebagai satu mekanisme tambahan bagi menangani keadaan apabila penghutang gagal mematuhi perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah di bawah Seksyen 178. Frasa “pemiutang penghakiman boleh, melalui notis penghakiman” menunjukkan bahawa peruntukan tersebut bersifat pilihan (permissive), bukannya mandatori. Penggunaan kata “boleh” memperlihatkan bahawa undang-undang memberikan ruang kepada pemiutang untuk memilih, sama ada meneruskan tindakan melalui NP atau menggunakan bentuk pelaksanaan lain yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Dari sudut *raison d'être*, Seksyen 179 bertujuan untuk memberikan satu peluang terakhir kepada penghutang untuk hadir ke mahkamah dan menunjukkan sebab penghutang tidak sepatutnya dikomitkan ke penjara disebabkan oleh kegagalannya untuk mematuhi perintah yang telah

dikeluarkan. Oleh itu, fokus utama seksyen ini ialah aspek pengkomitan dan penghinaan terhadap perintah mahkamah, bukannya untuk mengehadkan hak pemiutang untuk memilih bentuk pelaksanaan yang lain. Sekiranya pengubal undang-undang berhasrat untuk menjadikan NP sebagai syarat mandatori selepas SPP, peruntukan tersebut sepatutnya dinyatakan secara jelas melalui ungkapan yang bersifat wajib, seperti “hendaklah” atau “mesti”.

Istilah pengkomitan yang juga dikenali sebagai komital merujuk mekanisme penguatkuasaan undang-undang terhadap seseorang yang ingkar dari segi mematuhi sesuatu perintah atau penghakiman mahkamah dengan memerintahkan orang tersebut dikurung atau dipenjarakan setelah melalui proses perundangan yang ditetapkan. Menurut Jabatan Insolvensi Malaysia, pengkomitan ialah tindakan penguatkuasaan terhadap individu yang gagal mematuhi perintah mahkamah sehingga menyebabkan mahkamah memerintahkan orang tersebut dikomitkan ke penjara. Dalam konteks Seksyen 179 dan Seksyen 182 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, prosiding Notis Penghakiman bertujuan untuk memberikan peluang kepada penghutang untuk menunjukkan sebab dirinya tidak sepatutnya dikenakan perintah pengkomitan sebelum mahkamah mempertimbangkan hukuman tersebut.

Arahan Amalan No. 9 Tahun 2021 memperlihatkan bahawa SPP dan NP diurus sebagai dua kategori kes yang berbeza-beza melalui kod pendaftaran yang berasingan, iaitu Kod 037 bagi SPP dan Kod 076 bagi NP. Pemisahan ini menunjukkan bahawa NP bukanlah kesinambungan automatik bagi setiap prosiding SPP, sebaliknya satu mekanisme tersendiri yang dapat digunakan apabila keadaan memerlukan. Sekiranya NP dimaksudkan sebagai langkah mandatori selepas SPP, Arahan Amalan tersebut lazimnya memperuntukkan turutan prosedur yang jelas dan mengikat. Namun begitu, perkara sedemikian tidak dinyatakan.

Selain itu, tafsiran yang menjadikan NP sebagai langkah mandatori selepas SPP juga dapat menimbulkan kesukaran kepada pemiutang untuk mendapatkan haknya dengan segeranya. Dari perspektif maqasid al-syariah, pelaksanaan perintah nafkah berkait rapat dengan pemeliharaan harta (hifz al-mal) dan pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl), khususnya apabila nafkah tersebut melibatkan keperluan hidup bekas isteri dan anak. Oleh itu, tafsiran yang memberikan fleksibiliti kepada pemiutang untuk memilih mekanisme pelaksanaan yang paling berkesan adalah lebih selaras dengan prinsip masalah dan objektif syariah bagi memastikan hak pihak yang berhak dapat direalisasikan tanpa kelewatan yang tidak perlu (Al-Shatibi, 2004).

Oleh itu, dari sudut peruntukan undang-undang bertulis, Seksyen 179 lebih wajar ditafsirkan sebagai suatu mekanisme pilihan yang dapat digunakan oleh pemiutang selepas SPP, bukannya sebagai syarat mandatori yang menghalang penggunaan bentuk pelaksanaan lain.

Kedua, tafsiran yang berbeza-beza dalam kalangan hakim. Walaupun peruntukan undang-undang tidak menetapkan kewajipan NP selepas SPP, realiti amalan kehakiman menunjukkan kewujudan perbezaan tafsiran. Dalam kes *Fatimah lwn. Zuhaan* (2020), hakim menolak permohonan sitaan kerana berpendapat bahawa selepas SPP, pemiutang perlu terlebih dahulu memfailkan NP. Keputusan ini mencerminkan tafsiran yang ketat terhadap turutan prosedur pelaksanaan. Sebaliknya, dalam kes *Syuhada lwn. Arfan* (2019), hakim membenarkan pelaksanaan sitaan terus selepas SPP dengan alasan bahawa undang-undang tidak menetapkan NP sebagai syarat mandatori. Percanggahan ini menunjukkan ketidakseragaman dalam aplikasi undang-undang di mahkamah syariah (Jasri Jamal & Hasnizam Hashim, 2017).

Perbezaan pendekatan yang sama turut dapat dilihat dalam kes lain yang dianalisis dalam kajian ini. Dalam kes *Mashita lwn. Isma* (2026), mahkamah mengambil pendirian bahawa pemfailan NP perlu didahulukan sebelum pelaksanaan lain dibenarkan. Sebaliknya, dalam kes *Roslina lwn. Roslan* (2017), mahkamah membenarkan pelaksanaan penguatkuasaan tanpa mensyaratkan NP sebagai langkah terdahulu. Kes ini memperlihatkan bahawa isu hubungan antara SPP dengan NP tidak ditafsirkan secara seragam walaupun melibatkan peruntukan undang-undang yang sama.

Dengan berdasarkan analisis terhadap keempat-empat kes tersebut, dapat diperhatikan bahawa masih belum wujud pendekatan yang konsisten dalam pentafsiran kedudukan NP selepas SPP dalam amalan mahkamah syariah. Perbezaan ini bukan sahaja menyebabkan ketidakseragaman dari sudut pelaksanaan, tetapi juga berpotensi untuk mewujudkan ketidakpastian undang-undang terhadap pemiutang yang ingin mendapatkan hak melalui mekanisme penguatkuasaan yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Yang berikut ialah isu kebebasan pemiutang dalam pemilihan bentuk pelaksanaan. Prinsip ini dapat difahami daripada struktur Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah yang memperuntukkan pelbagai mekanisme penguatkuasaan bagi melaksanakan sesuatu penghakiman yang melibatkan pembayaran wang. Selain NP, undang-undang turut menyediakan beberapa kaedah lain, seperti SPP, hiwalah, sitaan dan penjualan harta. Kewujudan pelbagai bentuk pelaksanaan ini menunjukkan bahawa pembuat undang-undang tidak bermaksud untuk menghadkan pemiutang dari segi satu bentuk pelaksanaan sahaja, sebaliknya

menyediakan beberapa pilihan yang dapat digunakan berdasarkan keadaan sesuatu kes.

Dari sudut pentafsiran undang-undang, tiada peruntukan dalam Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah yang menyatakan bahawa sesuatu bentuk pelaksanaan perlu didahulukan sebelum bentuk pelaksanaan yang lain boleh digunakan. Malah, peruntukan yang berkaitan dengan pelaksanaan penghakiman memperlihatkan bahawa setiap mekanisme mempunyai fungsi dan tujuan tersendiri. Sebagai contoh, NP bertujuan untuk membawa penghutang ke mahkamah untuk menjelaskan sebab penghutang tidak patut dikomitkan ke penjara, manakala sitaan bertujuan untuk mendapatkan harta penghutang bagi menjelaskan tunggakan. Hiwalah pula berfungsi untuk memotong pendapatan atau gaji penghutang bagi memenuhi jumlah yang diperintahkan oleh mahkamah. Oleh itu, kesesuaian sesuatu mekanisme banyak bergantung pada keadaan penghutang dan bentuk aset yang dimilikinya.

Prinsip ini juga selaras dengan maqasid al-syariah yang menekankan pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) dan perlindungan hak pihak yang berhak. Dalam konteks tuntutan nafkah, tujuan utama penguatkuasaan adalah untuk memastikan hak bekas isteri dan anak dapat direalisasikan dengan segera dan berkesannya. Sekiranya pemiutang diwajibkan untuk melalui satu prosedur tertentu walaupun terdapat mekanisme lain yang lebih sesuai dan berkesan, keadaan tersebut dapat menyebabkan kelewatan untuk mendapatkan hak dan bercanggah dengan prinsip masalah yang menjadi objektif utama syariah (Al-Shatibi, 2004). Oleh itu, kewujudan pelbagai bentuk pelaksanaan dalam undang-undang dapat ditafsirkan sebagai memberikan ruang kepada pemiutang untuk memilih mekanisme yang paling sesuai bagi memastikan perintah mahkamah dapat dilaksanakan dengan berkesannya.

Setelah wujud perintah asal dan SPP, pemiutang boleh memilih untuk melaksanakan penguatkuasaan melalui sitaan harta, hiwalah atau NP bergantung pada situasi. Keanjalan ini penting kerana keadaan penghutang berbeza-beza (Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa, 2024). Ada yang mempunyai aset boleh alih, ada yang mempunyai pendapatan tetap dan ada pula yang culas secara berterusan (Jazilah Mohd Saad @ Mat Saud et al., 2013). Jika NP diwajibkan secara mandatori selepas SPP, hal ini menghadkan pilihan pemiutang, serta meningkatkan kos dan masa proses.

Kajian lepas juga menyokong pandangan bahawa keberkesanan penguatkuasaan bergantung pada fleksibiliti dalam pemilihan mekanisme

pelaksanaan (Halimatus Saadiah Kariya, 2015). Oleh itu, kebebasan pemiutang untuk memilih pelaksanaan tanpa diwajibkan NP selari dengan matlamat keadilan substantif.

Yang terakhir ialah implikasi perbezaan tafsiran terhadap pelaksanaan penghakiman. Analisis terhadap kes yang dikaji menunjukkan bahawa ketidakseragaman amalan dalam kalangan mahkamah syariah lebih berkait dengan pendekatan pentafsiran terhadap peruntukan undang-undang berbanding dengan kewujudan peruntukan yang secara jelas mewajibkan NP selepas SPP. Dalam kes *Fatimah lwn. Zuhaan* (2020), mahkamah menolak permohonan sitaan dengan mengambil pendekatan bahawa NP perlu difailkan terlebih dahulu sebelum bentuk pelaksanaan lain boleh digunakan. Pendekatan ini dilihat berasaskan tafsiran yang menghubungkan prosedur SPP dengan NP secara berturutan walaupun tiada peruntukan yang secara nyata mensyaratkan urutan tersebut. Sebaliknya, dalam kes *Syuhada lwn. Arfan* (2019), mahkamah membenarkan pelaksanaan sitaan tanpa mensyaratkan pemfailan NP terlebih dahulu atas alasan bahawa undang-undang tidak memperuntukkan kewajipan yang sedemikian.

Perbezaan pendekatan yang sama turut dapat diperhatikan dalam pelaksanaan melalui hiwalah. Selain NP dan sitaan, hiwalah satu daripada mekanisme penguatkuasaan yang diperuntukkan bagi memastikan tunggakan nafkah dapat dijelaskan. Dalam kes *Syamimah lwn. Nazri* (2022) dan *Shakirah lwn. Fadhli* (2022), mahkamah membenarkan pelaksanaan hiwalah selepas penghutang gagal mematuhi perintah yang dibuat melalui prosiding SPP. Kedua-dua kes tersebut melibatkan tunggakan sebanyak RM11,100.00 dan RM4,450.00, masing-masing dan mahkamah mengambil pendekatan untuk membenarkan pelaksanaan hiwalah tanpa mewajibkan NP sebagai langkah perantaraan. Keputusan ini menunjukkan bahawa dalam amalan tertentu, mahkamah mengiktiraf kewujudan pelbagai bentuk pelaksanaan yang dapat digunakan bagi memastikan hak pemiutang direalisasikan dengan berkesannya.

Dengan berdasarkan analisis terhadap kes tersebut, dapat diperhatikan bahawa tiada pendekatan yang benar-benar seragam dalam pentafsiran kedudukan NP selepas SPP. Sebahagian keputusan mahkamah cenderung untuk melihat NP sebagai langkah yang perlu didahulukan, manakala sebahagian yang lain menganggap NP hanyalah satu daripada pilihan pelaksanaan yang dapat digunakan bergantung pada keadaan sesuatu kes. Keadaan ini berpotensi untuk mewujudkan ketidakpastian undang-undang kerana pemiutang tidak dapat secara pasti menjangkakan prosedur yang akan diterima oleh mahkamah apabila sesuatu tindakan pelaksanaan difailkan.

Dari perspektif maqasid al-syariah, penguatkuasaan perintah nafkah berkait rapat dengan pemeliharaan harta (hifz al-mal) dan pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl), khususnya apabila nafkah tersebut melibatkan kebajikan bekas isteri dan anak. Oleh itu, tafsiran terhadap peruntukan undang-undang seharusnya mengambil kira matlamat untuk memastikan hak pihak yang berhak dapat diperoleh secara berkesan dan tanpa kelewatan yang tidak munasabah. Dalam konteks ini, pendekatan yang memberikan ruang terhadap penggunaan mekanisme pelaksanaan yang bersesuaian dengan keadaan penghutang lebih selari dengan prinsip masalah dan objektif syariah.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa konflik berhubung dengan keperluan NP selepas SPP bukan berpunca daripada kekosongan peruntukan undang-undang, tetapi disebabkan oleh kepelbagaian tafsiran terhadap peruntukan yang sedia ada. Perbezaan pendekatan tersebut mewujudkan ketidakseragaman amalan kehakiman dan memberikan implikasi terhadap kepastian undang-undang dalam pelaksanaan penghakiman nafkah. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan panduan atau penjelasan yang lebih jelas, sama ada melalui Arahan Amalan atau garis panduan kehakiman, bagi memastikan pelaksanaan penghakiman selepas SPP dapat dilaksanakan secara lebih seragam dan konsisten di seluruh mahkamah syariah.

KESIMPULAN

Hasil analisis terhadap peruntukan Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah menunjukkan bahawa tiada satu seksyen pun yang secara jelas mewajibkan pemfailan NP selepas SPP. Hal ini menunjukkan bahawa isu sebenar bukanlah terletak pada kelemahan undang-undang bertulis, tetapi disebabkan oleh tafsiran kehakiman yang berbeza-beza. Tafsiran sempit terhadap peruntukan undang-undang menyebabkan amalan yang tidak seragam dalam kalangan hakim, sekali gus menimbulkan ketidakpastian dalam kalangan pemiutang.

Bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan, pemiutang sepatutnya diberi kebebasan untuk memilih bentuk pelaksanaan yang paling sesuai dengan keadaan penghutang, sama ada melalui sitaan, hiwalah atau NP. Kewajipan mandatori NP selepas SPP hanya menambah beban prosedur, serta meningkatkan masa dan kos bagi pemiutang. Dari perspektif maqasid al-syariah, penguatkuasaan perintah nafkah berkait rapat dengan pemeliharaan harta (hifz al-mal) dan pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl). Nafkah merupakan hak yang wajib ditunaikan bagi menjamin kebajikan

isteri dan anak. Oleh itu, kewujudan mekanisme, seperti SPP, NP, hiwalah dan sitaan perlu dilihat sebagai instrumen yang bertujuan untuk memastikan hak tersebut dapat direalisasikan secara berkesan. Dalam konteks ini, pemilihan sesuatu bentuk pelaksanaan seharusnya mengambil kira keberkesanan mekanisme tersebut bagi menjamin hak pemiutang tanpa mengenakan halangan prosedural yang tidak diperuntukkan secara jelas oleh undang-undang.

Akhir sekali, pengkaji mencadangkan agar garis panduan kehakiman atau Arahan Amalan dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bagi menyeragamkan tafsiran dan amalan yang berkaitan dengan SPP dan NP. Arahan ini dapat menjelaskan bahawa NP bukanlah mandatori selepas SPP, sebaliknya bergantung pada kesesuaian keadaan dan budi bicara pemiutang. Selain itu, latihan berkala kepada hakim dan pegawai kehakiman perlu ditingkatkan bagi memastikan interpretasi undang-undang lebih konsisten dan selari dengan objektif keadilan substantif. Dengan cara ini, kepastian undang-undang dapat dipertingkatkan, kredibiliti mahkamah syariah dipelihara dan hak pemiutang dapat dilindungi dengan lebih berkesan.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan kepada Kulliyyah Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang kerana menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur untuk menyelesaikan penulisan makalah ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab terhadap seluruh penulisan makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abu Suffian Abu Yaziz. (2013). *Penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah di Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Ibrahim. (1997). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan metodologi penyelidikan Pengajian Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Shatibi, A. I. (2004). *Al-Muwafaqat fi usul al-shari'ah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kerajaan perkukuh penguatkuasaan nafkah, 9,674 kes berjaya diambil tindakan – Mohd Na'im. (2025, 2 Disember). *Bernama*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-perkukuh-penguatkuasaan-nafkah-9674-kes-berjaya-diambil-tindakan-mohd-naim-550090>
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan (kaedah penyelidikan)*. McGraw-Hill.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (ed. ke-4). SAGE Publications.
- Fatimah lwn. Zuhaan. (2020). Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal UPPP: 11/2020.
- Halimatus Saadiah Kariya. (2015). *Penguatkuasaan perintah pembayaran nafkah anak: Kajian mengenai peranan Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah* [Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2021). *Arahan Amalan No. 9 Tahun 2021: Garis panduan pengurusan kes tuntutan/saman penghutang penghakiman dan notis penghakiman*. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Jasri Jamal, & Hasnizam Hashim. (2017). Transformasi bidang kuasa mahkamah syariah di Malaysia: Penilaian semula terhadap hukuman takzir. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 29(1), 38–71.
- Jazilah Mohd Saad @ Mat Saud, Afridah Abbas, Noraini Hashim, & Saodah Wok. (2013). Mechanism of enforcement and execution of muslim maintenance order: Court-based system. *IIUM Law Journal*, 21(2), 207. <https://journals.iium.edu.my/iiumlj/index.php/iiumj/article/view/101/88>.
- Mashita lwn. Isma (2026). Kes Mal No. 425-0014, Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pulau Pinang.
- Nur Zulfah Md Abdul Salam, & Nur Syazwani Mohd Khatib. (2020). Isu tunggakan nafkah: Keperluan penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). *Journal of Muwafaqat*, 3(1), 38–51. <https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal/article/view/16>.
- Mohd Afiq Najhan Mahamad Isa. (2024). Penolong Pegawai Syariah, Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Seksyen Negeri Pulau Pinang. [Temu bual, 11 Mac 2024].

- Mohd Amir Haji Arifin @ Mohd Rifin. (2013). Peguam syarie dan bailif: Perkongsian pengalaman cabaran kutipan balik dana pendahuluan nafkah anak. *Jurnal Hukum*, 37(10), 35–39.
- Mohd Hazwan Ismail, & Jasni sulung. (2020). Enforcement child-maintenance payment using judgement debtor summons and judicial notice: A Penang case study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(7), 187–200. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v10-i7/7408>
- Mohd Hazwan Ismail, & Jasni Sulong. (2021). Saman penghutang penghakiman: Keperluan perintah nafkah atau perintah tunggakan nafkah. *Journal Contemporary Islamic Law (JCIL)*, 6(1), 29–38. <https://doi.org/10.26475/jcil.2021.6.1.04>
- Mohd Hazwan Ismail, & Jasni Sulong. (2022). Penguatkuasaan penghakiman sita dan jual: pelaksanaan dan kekangan di mahkamah syariah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 7(1), 91–101. <https://doi.org/10.26475/jcil.2022.7.1.09>
- Mohd Hazwan Ismail. (2023a). Penerimaan mahkamah syariah mengenai penyampaian saman melalui pos berdaftar. *International Journal Of Contemporary Issues*, 1(2), 1–17. <https://ijci.abrarglobal.com/v3/>
- Mohd Hazwan Ismail. (2024a). *Nafkah tertunggak: Pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang di mahkamah syariah di Malaysia* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Hazwan Ismail. (2024b). Hukuman penjara bagi kes tunggakan hutang nafkah anak di mahkamah syariah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(1), 89–106. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/kanun.36(1)no5)
- Mohd Nadzri Haji Abdul Rahman Ibrahim. (2010). *Undang-undang tatacara mal mahkamah syariah prinsip dan amalan* (hlm. 236). Karya Kreatif Resources.
- Nik Suhaimi Nik Saberi, Jasni sulung, & Mohd Hazwan Ismail. (2025). Analisis pelaksanaan penyerahan saman penghutang penghakiman dan amalan negeri-negeri di mahkamah syariah di Malaysia. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 35(1), 83–94. <https://doi.org/10.17576/juum-2025-3501-07>
- Norman Zakiyy, & Hasnizam Hashim. (2018). Book review: Undang-undang tatacara mal mahkamah syariah – prinsip dan amalan. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(3), 119–121. <https://doi.org/10.33102/Mjsl.Vol6no3.153>.
- Roslina lwn. Roslan. (2017). No. Kes Mal UPPP: 11/2017, Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan.
- Shakirah lwn. Fadhli. (2022). Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Tengah. Kes Mal No. 712-2022.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2017). *Kajian kualitatif dan analisis temu bual* (hlm. 38). Aras Publisher.
- Syamimah lwn. Nazri. (2022). Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seberang Perai Utara. Kes Mal No. 805-2022.
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (ed. ke-6). SAGE Publications.